HARI : TARIKH :

SALIN NOTA DI BAWAH DI DALAM BUKU NOTA

Bab 9

Kontra

Nota Ekspres

Persepsi Seni

1 Kontra terhasil jika terdapat unsur-unsur seni atau sebarang elemen yang bertentangan atau berlawanan keadaannya dalam rekaan atau karya.
2 Kontra boleh wujud secara semula jadi pada objek alam semula jadi atau melalui pengolahan unsur-unsur dalam karya.
3 Tujuan kontra ialah memfokuskan pandangan, memberi penegasan, mewujudkan variasi serta mengelakkan kebosanan dalam rekaan.
4 Kontra bentuk, rupa, warna garisan, jalinan dan ruang memberikan kesan menarik dan hebat pada objek di persekitaran kita.
5 Kontra dapat diaplikasikan dalam gubahan simbol, logo, poster atau sebarang rekaan melalui teknik penghasilan, jenis bahan dan media, saiz atau sebarang elemen yang berbeza.
6 Kontra jalinan, bahan, olahan corak dalam hasilan kraf memberi kesan paling menarik. Misalnya tenunan dan kraf tembikar.
7 Dalam sesebuah rekaan, kontra berkait rapat dengan penegasan iaitu semakin tinggi kadar kontra, maka semakin jelas penegasan atau fokus yang dapat menarik khalayak.

Objek alam semula jadi	Sebuah tasik di taman rekreasi akan berkontra dengan alam sekitarnya yang ditumbuhi pohon-pohon
Objek buatan manusia	Binaan sebuah menara jam di bandar mewujudkan kesan kontra dengan binaan bangunan lain di sekitarnya
Karya seni visual	Lakaran beberapa garisan yang nipis dan beralun akan berkontra dengan garisan lain yang lurus dalam karya
Kraf tradisional	Rupa corak tenunan masyarakat peribumi Sarawak akan berbeza dengan hasilan tenunan masyarakat di Semenanjung Malaysia
Seni komunikasi	Warna rupa rekaan motif logo dan simbol berkontra dengan warna latar untuk menarik perhatian umum

Kontra garisan dan jalinan

Kontra rupa dan warna

Kontra bentuk dan saiz

Scanned with CamScanner

LIVEWORKSHEETS